

Rampasan terbesar SPRM

RM114.5j dirampas melibatkan dua pegawai kanan agensi kerajaan di Sabah



Seorang pegawai kanan agensi kerajaan di Sabah yang dibawa ke Mahkamah Majistret, semalam.

Sebahagian daripada wang tunai bernilai RM52 juta yang dirampas SPRM yang dipamerkan pada sidang akhbar, semalam. - Foto: BERNAMA

KOTAKINABALU - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merampas RM114.5 juta daripada dua pegawai kanan sebuah agensi kerajaan di sini, yang didakwa menyalahgunakan kuasa membabitkan projek infrastruktur bernilai RM3.3 bilion di Sabah.

Ini merupakan kes terbesar dalam sejarah SPRM.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki berkata, rampasan itu dibuat daripada seorang pengarah dan timbalan pengarah sebuah agensi awam selepas mereka ditahan SPRM kelmarin.

"Hasil siasatan, SPRM merampas RM75 juta daripada pejabat, rumah dan akaun bank kedua-dua suspek itu dan keluarga mereka," katanya pada sidang media mengenai kes itu, semalam.

Beliau berkata, selain wang tunai, SPRM juga merampas 127 geran tanah, sembilan kenderaan

Mahkamah perintah reman tujuh hari

KOTA KINABALU - Mahkamah Majistret semalam, memerintahkan empat lelaki, termasuk pengarah dan timbalan pengarah sebuah agensi kerajaan di sini, ditahan reman tujuh hari bagi membantu siasatan berhubung kes penyalahgunaan kuasa dalam pemberian projek jabatan.

Majistret Stephanie Sherron Abbie memerintahkan tahanan reman itu mulai semalam.

Mereka ditahan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Selain pengarah dan timbalan pengarah itu, yang berumur 54 dan 51 tahun, turut direman ialah dua lelaki awam. - Bernama

mewah, 94 beg tangan jenama mewah, jam tangan mewah pelbagai jenama dan barang kemas yang kesemua nilainya belum diketahui.

Susulan penahanan kedua-dua suspek itu, katanya, SPRM turut menangkap seorang ahli perniagaan bergelar Datuk dan akauntannya yang disyaki ada

kaitan dengan mereka.

Beliau berkata, penangkapan Datuk dan akauntannya itu membolehkan SPRM menyita kira-kira RM37 juta daripada akaun sebuah syarikat yang disyaki mempunyai kaitan dengan seorang daripada pegawai kanan agensi awam itu.

Azam berkata, SPRM turut merampas RM2.5 juta lagi daripada sebuah peti simpanan di sebuah bank milik timbalan pengarah itu.

Katanya, SPRM akan membuka lima peti besi lagi dalam masa terdekat dengan bantuan bank.

"Sejak penubuhan badan pencegahan rasuah 49 tahun lalu, kita tidak pernah menyita wang tunai sebanyak ini daripada individu, khususnya penjawat awam.

"Pihak kami percaya mereka juga memiliki wang di beberapa bank di luar negara," katanya.

Beliau berkata, pengarah

FAKTA

- Monopoli projek RM3.3 bilion sejak 2010
- RM75j dirampas di pejabat, rumah dan akaun bank
- Sembilan kereta mewah disita
- 127 geran tanah dirampas
- Rampas 94 beg tangan mewah
- Jam tangan mewah, barang kemas turut dirampas

dan timbalan pengarah itu disiasat SPRM kerana disyaki mengendalikan projek-projek pembinaan infrastruktur asas bernilai lebih RM3.3 bilion sejak 2010.

"Mereka juga dipercayai memonopoli kesemua projek itu dan diserahkan kepada adik-beradik mereka," katanya.

Suspek berkenaan disiasat mengikut Seksyen 17 Akta SPRM.

Azam berkata, SPRM turut mengenal pasti beberapa individu lagi yang dipercayai bersubahat dengan kesemua suspek itu dan akan memanggil mereka untuk memberi keterangan tidak lama lagi.

Menurutnya, jika ada pihak yang enggan memberi kerjasama, SPRM boleh mengambil tindakan tegas terhadap mereka. - Bernama



Beberapa buah kenderaan mewah yang disita SPRM susulan penahanan empat lelaki berhubung kes salah guna kuasa.